

19 FEB 2004

ABDUL HADI HANYA ANGAN-ANGAN BERTANDING DI KEPALA BATAS

PULAU PINANG, 19 Feb (Bernama) -- Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang hanya boleh berangan-angan kosong untuk bertanding di Parlimen Kepala Batas bagi mencabar Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada pilihan raya akan datang, kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno Pulau Pinang, Datuk Roslan Saidin.

Beliau berkata Abdul Hadi boleh mencuba nasibnya kerana Pergerakan Pemuda Umno dan seluruh jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) di negeri ini akan memastikan Abdul Hadi tidak dapat bertapak walau seinci pun di negeri ini.

"Seluruh rakyat Pulau Pinang termasuk bukan Islam memberikan sokongan penuh kepada Perdana Menteri, anak kelahiran Pulau Pinang dari keluarga yang disegani kerana kehalusan budi dan akhlaknya," menurutnya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Abdul Hadi yang juga adalah Menteri Besar Terengganu itu dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat exco berkata beliau bersedia bertanding di mana-mana kawasan pada pilihan raya akan datang, termasuk di Kepala Batas jika di minta parti.

Roslan berkata hasrat pemimpin tertinggi PAS seperti yang dilahirkan oleh Menteri Besar Terengganu itu dalam akhbar hari ini bukanlah gimik baru PAS, kerana menurutnya sebelum Abdul Hadi, presiden PAS terdahulu juga pernah berangan-angan mahu mencabar bekas Perdana Menteri Tun, Dr Mahathir Mohamad di Parlimen Kubang Pasu.

Beliau berkata bagaimanapun akhirnya PAS tidak pernah meletakkan pemimpin tertingginya untuk bertanding di Kubang Pasu.

-- BERNAMA

SA AZH